**KENYATAAN MEDIA**
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**
**(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

# BELANJAWAN MADANI 2027: MEMPERKASA REFORMASI INSTITUSI, MEMBELA KESEJAHTERAAN RAKYAT

**Kuala Lumpur, 9 Oktober 2026** – Belanjawan MADANI 2027 yang dibentangkan oleh YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan hari ini mencerminkan komitmen berterusan Kerajaan Perpaduan MADANI dalam memperkukuh reformasi undang-undang dan institusi demi kesejahteraan rakyat dan kemajuan negara.

Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada YAB Perdana Menteri atas komitmen Kerajaan Perpaduan MADANI untuk **meneliti cadangan penubuhan Suruhanjaya Reformasi Undang-Undang Malaysia**. Inisiatif ini membuktikan **kesungguhan Kerajaan melaksanakan reformasi perundangan secara menyeluruh** dan berterusan, termasuk **mengenal pasti undang-undang lapuk, menangani jurang perundangan serta memodenkan undang-undang kontrak, jualan barangan dan pengantaraan**.

Komitmen ini **meneruskan pencapaian reformasi Kerajaan Perpaduan MADANI, termasuk pengembalian autonomi Parlimen selepas lebih tiga dekad**, **pemerkasaan Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen** dan pengenalan PMQT, selain **pembaharuan undang-undang bagi memperkukuh hak asasi, perlindungan rakyat dan akses kepada keadilan**.

**Reformasi paling bermakna ialah keberanian kerajaan untuk membatasi kuasanya sendiri**. Meskipun usaha mengehadkan tempoh jawatan Perdana Menteri belum memperoleh sokongan majoriti dua pertiga di Parlimen, manakala pengasingan peranan Peguam Negara dan Pendakwa Raya masih melalui penelitian, **tekad Kerajaan Perpaduan MADANI meneruskan reformasi ini kekal utuh dengan**

**menghormati proses demokrasi berparlimen**.

Dalam aspek kesejahteraan rakyat, saya turut menyambut baik **tiga inisiatif Belanjawan 2027 bagi memperkukuh Dasar Peluang Kedua, susulan kejayaan membantu lebih 250,000 rakyat keluar daripada kebankrapan sejak tahun 2023**, iaitu:

1. **Menaikkan ambang kebankrapan** daripada RM100,000 kepada RM150,000 mulai 2027;

2. **Memperluas Dasar Peluang Kedua Prihatin** kepada penjaga utama ahli keluarga OKU, pesakit kronik, warga emas, pekerja gig dan individu berpendapatan tidak tetap; dan

3. **Memperkasa pelepasan automatik seawal tiga tahun** di bawah Seksyen 33C Akta Insolvensi 1967 bagi individu yang memenuhi syarat.

Saya turut menghargai **keprihatinan YAB Perdana Menteri terhadap kebajikan haiwan melalui perluasan pelepasan cukai gaya hidup individu bagi kos pemvaksinan dan pengambilan haiwan peliharaan angkat daripada pusat berdaftar**, sekali gus menggalakkan pemilikan haiwan secara bertanggungjawab.

Sebagai Ahli Parlimen Pengerang, saya **menyambut baik pemilikan penuh Kompleks Bersepadu Pengerang oleh PETRONAS bagi memperkukuh keterjaminan bekalan bahan api negara**. Pembangunan Pengerang Biorefinery bersama Enilive, Eni dan Euglena bagi penghasilan bahan api rendah karbon termasuk SAF, HVO dan bio-naphtha turut membuka peluang ekonomi serta pekerjaan bernilai tinggi.

Belanjawan MADANI 2027 membuktikan bahawa reformasi bukan sekadar mengubah undang-undang dan institusi, tetapi membawa manfaat nyata kepada rakyat dan masa depan negara.

**AZALINA OTHMAN SAID**
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**
**(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**
**9 Oktober 2026**

MALAYSIA MADANI